

Headline	Peronda jambatan kedua guna kereta elektrik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	25
ArticleSize	274 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 27,723		



# Peronda jambatan kedua guna kereta elektrik

**Georgetown:** Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB) akan menggunakan kereta elektrik sebagai peronda di atas Jambatan Kedua Pulau Pinang seiring konsep mesra alam yang diumumkan syarikat itu.

Justeru, syarikat itu membeli lima kereta Mitsubishi Innovative Electric Vehicle (Mitsubishi i-MiEV) dengan kos hampir RM700,000.

Pengarah Urusan JKSB, Datuk Dr Ismail Mohamed Taib, berkata sebagai pemenang 'International Green Apple Award' dan Duta Hijau untuk Organisasi Hijau United Kingdom, pihaknya

komited dalam usaha memelihara alam sekitar.

Katanya, JKSB adalah pemegang konsesi pertama di Malaysia menggunakan kenderaan seumpama itu sebagai peronda bagi menyediakan bantuan kepada pengguna jambatan yang berdepan kesulitan dan kecemasan.

**Kurang pencemaran,  
lebih jimat**

"Penggunaan kenderaan elektrik itu bukan saja mengurangkan pelepasan karbon dioksida, tetapi juga mengurangkan pencemaran bunyi dan menjimatkan dalam aspek penyelenggaraan dan operasi jangka panjang," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan kereta elektrik itu yang disaksikan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah di sini.

Hadir sama, Pengerusi JKSB, Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob dan Ketua Pegawai Eksekutif Mitsubishi Motors Malaysia, Tetsuya Oda.

Kereta itu yang menggunakan sumber elektrik Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan tenaga yang boleh diperbaharui seperti panel solar dan turbin angin, berupaya mencapai berkelajuan sehingga 150 kilometer sejam selepas dicas lapan jam dengan kapasiti 230 voltan.

Kenderaan empat tempat duduk itu menggunakan kuasa elektrik sepenuhnya dengan pelepasan sifar pencemaran.

Headline	Peronda jambatan kedua guna kereta elektrik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	25
ArticleSize	274 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 27,723		



Lima unit **kereta elektrik Mitsubishi i-MIEV** yang digunakan JKSB sebagai kereta peronda di Rentang Navigasi Utama Jambatan Kedua Pulau Pinang. [ FOTO DANIAL SAAD / BH ]